



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : KKM.600-1/3/259 JLD 2(2)
Tarikh : 1 Disember 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 31/2025: GARIS PANDUAN *CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT* (CPD) EDISI 2 TAHUN 2025 BAGI ANGGOTA KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tujuan

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Garis Panduan *Continuing Professional Development* (CPD) Edisi 2 Tahun 2025 yang telah ditambah baik mengikut perkembangan terkini dalam perkhidmatan kesihatan.

Latar belakang

2. Program CPD telah dilaksanakan selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 4/2007 dan kemudiannya diperkukuh melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 6/2016. Seiring dengan perkembangan semasa, garis panduan ini telah disemak semula dan ditambah baik bagi memastikan ia kekal relevan serta berkesan kepada semua anggota kesihatan.
3. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan termasuklah penjelasan mengenai penggunaan Sistem myCPD serta pelaksanaan sistem pemarkahan (*grading system*) baharu mengikut ketetapan semasa yang ditetapkan oleh setiap badan regulatori yang berkaitan. Segala perubahan dan kemas kini akan dimuat naik dari semasa ke semasa melalui capaian pantas yang disediakan dalam garis panduan ini.

4. Garis panduan ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi myCPD <https://www.mycpd2.moh.gov.my/> di bahagian *document download* serta di pautan <https://anyflip.com/rugkd/bzhg/>.

Tarikh Kuatkuasa

5. Pelaksanaan pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 6/2016 dan Garis Panduan Pelaksanaan CPD Edisi 2016 yang dilampirkan di pekeliling tersebut dibatalkan.

Pertanyaan dan Maklum Balas

6. Sebarang pertanyaan atau maklum balas berhubung garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:


Unit Pendidikan Profesional Berterusan
Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Aras 6, Blok E1, Kompleks E
62590 Putrajaya
No Telefon : 03-88831457
E-mel : mycpd@moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



1/12/2021.

(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

s.k.:

- i. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- iv. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- v. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Klinikal)
- vi. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)
- vii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
- viii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

SENARAI EDARAN

Negeri/ Institut

1. Pengarah Kesihatan Negeri Kedah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
2. Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
3. Pengarah Kesihatan Negeri Perak
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
4. Pengarah Kesihatan Negeri Perlis
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
5. Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Kesihatan WPKL & Putrajaya
Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya
7. Pengarah Kesihatan Negeri Pahang
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
8. Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
9. Pengarah Kesihatan Negeri Melaka
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
10. Pengarah Kesihatan Negeri Johor
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
11. Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
12. Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
13. Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
14. Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
15. Pengarah Kesihatan WP Labuan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

16. Pengarah Hospital
Hospital Kuala Lumpur
17. Pengarah Hospital
Hospital Tunku Azizah
18. Pengarah
Pusat Darah Negara
19. Pengarah
Institut Kanser Negara
20. Pengarah
Institut Perubatan Respiratori



GARIS PANDUAN

CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT
(CPD)



**DAFTAR
AKTIVITI CPD**

**REKOD AKTIVITI DAN
MATA CPD**

**LAPORAN
CPD**

EDISI

2

**ASPIRASI
KECEMERLANGAN**

www.mycpd2.moh.gov.my



GARIS PANDUAN

CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

**DAFTAR
AKTIVITI CPD**

**REKOD AKTIVITI DAN
MATA CPD**

**LAPORAN
CPD**

EDISI

2

**ASPIRASI
KECEMERLANGAN**

www.mycpd2.moh.gov.my

PENAFIAN

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara-cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Garis Panduan ini merupakan panduan umum yang bertujuan untuk membantu pelbagai pihak dalam pelaksanaan CPD. Sehubungan itu, pihak yang bertanggungjawab mentadbir urus CPD berhak membuat penyesuaian mengikut keperluan pembelajaran berterusan masing-masing demi memastikan keberkesanan dan kelancaran Program CPD. Panduan ini adalah dinamik dan akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

© 2025

Diterbitkan oleh:

Unit Pendidikan Profesional Berterusan
Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia

CAPAIAN PANTAS

Dokumen rujukan boleh diakses melalui capaian pantas dengan mengimbas Kod QR di bawah.

Capaian pantas ini akan digunakan mengikut keperluan Badan Regulatori profesion masing- masing.

Dokumen ini dan dokumen rujukan lain juga boleh dicapai melalui laman sesawang www.mycpd2.moh.gov.my yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Sila klik pada paparan ***'Document Download'***.



Kata Pengantar

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Garis Panduan Pelaksanaan *Continuing Professional Development* (CPD) edisi kedua 2025 telah disemak semula dan dikemas kini untuk digunakan oleh seluruh anggota kesihatan Malaysia.

Continuing Professional Development (CPD) merupakan suatu aspek penting dalam menjamin kualiti perkhidmatan kesihatan yang tinggi di negara kita. Dalam era globalisasi yang semakin pesat ini, pengetahuan dan kemahiran tenaga kesihatan perlu terus diperbaharui demi mengekalkan tahap kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Garis Panduan ini dirangka dengan matlamat untuk menyediakan panduan yang selari dengan perkembangan terkini dalam sistem kesihatan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penambahbaikan garis panduan ini yang terdiri daripada semua Badan Regulatori Kementerian Kesihatan Malaysia. Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak adalah penting untuk memastikan kesempurnaan garis panduan ini.

Syabas dan tahniah kepada Unit Pendidikan Profesional Berterusan, Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan atas usaha dan komitmen menerbitkan garis panduan ini.

Akhir kata, semoga Garis Panduan Pelaksanaan *Continuing Professional Development* (CPD) ini menjadi rujukan utama bagi semua anggota kesihatan di Malaysia. Saya berharap agar usaha berterusan ini akan memacu kita ke arah sistem kesihatan yang lebih cemerlang dan efisien.

Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab
Ketua Pengarah Kesihatan



Kata Pengantar

TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Segala puji dan syukur ke hadrat ilahi dengan rahmat-Nya Garis Panduan Pelaksanaan *Continuing Professional Development* (CPD) edisi kedua tahun 2025 dapat dihasilkan dengan jayanya.

CPD telah dimulakan sejak 2008 di Kementerian Kesihatan Malaysia dan ini telah menjadi titik permulaan usaha bersepadu bagi memastikan ahli profesion kesihatan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sejajar dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi dalam bidang kesihatan. Komitmen kepada pembelajaran berterusan haruslah diberikan oleh setiap ahli profesion kesihatan demi menjamin integriti dan kualiti perkhidmatan yang diberikan.

Sekalung tahniah dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Unit Pendidikan Profesional Berterusan, Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan serta semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan *Continuing Professional Development* (CPD) edisi kedua tahun 2025 ini.

Semoga dengan kewujudan garis panduan yang terkini dan komprehensif ini menaikkan motivasi dan komitmen kita untuk terus memantapkan diri ke arah penyediaan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan unggul selari dengan visi dan misi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dato' Indera Dr. Nor Azimi binti Yunus
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Perubatan)



Kata Pengantar

PENGARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas limpah rahmat-Nya, kita berjaya menghasilkan *Garis Panduan Pelaksanaan Continuing Professional Development (CPD)* edisi kedua 2025. Panduan ini adalah usaha berterusan dalam memastikan anggota kesihatan sentiasa berada pada tahap profesionalisme dan kompetensi tertinggi, selari dengan keperluan perkhidmatan kesihatan yang dinamik dan mencabar.

CPD memainkan peranan penting sebagai landasan pembelajaran sepanjang hayat kepada semua anggota kesihatan. Melalui amalan CPD yang konsisten dan sistematik, para anggota bukan sahaja berpeluang meningkatkan kemahiran klinikal, tetapi juga dapat memperkasa pengetahuan terkini dalam bidang masing-masing. Ini amat kritikal untuk memastikan mutu perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat sentiasa relevan, selamat, dan berkualiti tinggi.

Edisi kedua ini adalah hasil penambahbaikan daripada edisi pertama yang diterbitkan pada tahun 2018. Ia telah dikemaskini dengan mengambil kira perkembangan kesihatan terkini, termasuk perubahan teknologi dan keperluan perkhidmatan.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Unit Pendidikan Profesional Berterusan, Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, serta semua badan regulatori dan pihak yang terlibat dalam penyediaan panduan ini. Usaha gigih anda semua amat dihargai dan membuktikan komitmen padu dalam memperkasakan modal insan di sektor kesihatan.

Adalah menjadi harapan saya agar panduan ini digunakan secara meluas dan efektif oleh semua anggota kesihatan di seluruh negara.

Dato' Dr. Mohd Azman Yacob

Pengarah Perkembangan Perubatan



Kandungan

CAPAIAN PANTAS	03
KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA	04
KATA PENGANTAR TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)	05
KATA PENGANTAR PENGARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN	06
2. TUJUAN GARIS PANDUAN CPD	11
3. LATAR BELAKANG CPD DAN SISTEM myCPD	12
5. KEGUNAAN PROGRAM CPD	13
6. JAWATANKUASA CPD	14
7. SISTEM myCPD (<i>Online Monitoring of CPD</i>)	15
8. INTEGRASI SISTEM myCPD	19
9. AUDIT VERIFIKASI CPD	20
10. PENJANAAN LAPORAN CPD	21
11. PERTANYAAN DAN MAKLUM BALAS	21
BADAN REGULATORI BERKAITAN UNTUK DIHUBUNGI	22
LAMPIRAN A	24
LAMPIRAN B	25
LAMPIRAN C	29
LAMPIRAN 1	31
LAMPIRAN 2	32
PENGHARGAAN	34
CATATAN	40

Glosari

“APC” Sijil Perakuan Amalan Tahunan/*Annual Practising Certificate* (APC) bagi membolehkan anggota kesihatan melaksanakan tanggungjawab untuk mengamal dalam bidang masing-masing.

“Admin Utama” merujuk kepada pegawai pentadbir sistem yang dilantik di peringkat negeri.

“Badan Regulatori” merujuk kepada Badan-Badan/Majlis/Lembaga/ Bahagian yang mengeluarkan Sijil Perakuan Amalan Tahunan.

“Chief CPD” merujuk kepada Ketua di organisasi atau fasiliti.

“Chief Scheme” merujuk kepada Ketua Skim Perkhidmatan – pegawai yang dilantik untuk memantau skim perkhidmatan tertentu.

“CPD” *Continuing Professional Development* merujuk kepada proses pembelajaran yang berterusan, memperoleh pengetahuan baharu, dan membangunkan kemahiran baharu yang diperlukan untuk mengekalkan dan meningkatkan kecekapan profesional sepanjang kerjaya seseorang.

“Integrasi” proses penyatuan atau penggabungan pelbagai elemen, idea, atau kumpulan untuk membentuk sesuatu yang harmoni dan berfungsi sebagai satu kesatuan.

“Kod Etika dan Tatakelakuan” adalah satu himpunan nilai dan moral serta panduan selaras dengan budaya korporat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan peraturan perkhidmatan awam. Kod ini merangkumi etika kerja dan etika profesional yang akan dihuraikan dalam set nilai dan etika untuk diguna pakai oleh warga KKM.

“Kompetensi” merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi (sahsiah) yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab sesuatu pekerjaan atau jawatan.

“Kemahiran” merujuk kepada ilmu dan kemahiran yang diperolehi secara formal dan tidak formal serta pengalaman yang diperolehi dalam bidang kerja untuk membolehkan seseorang pegawai melaksanakan tugas.

“Ketua Jabatan” merujuk kepada seseorang pegawai yang mengetahui sesuatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya dan sesuatu jabatan itu termasuklah:

- a) Sesuatu Kementerian
- b) Sesuatu Jabatan Persekutuan di peringkat persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan
- c) Sesuatu Jabatan Persekutuan di luar negara; dan
- d) Mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

“Latihan” bermaksud proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program mentor/*coaching* atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

“Mata CPD” merupakan mata kredit yang diberikan kepada anggota yang menjalankan Program CPD seperti yang ditetapkan dalam surat pekeliling.

“Mekanikal” adalah berhubung dengan jentera (mesin dan lain-lain); dan atau secara atau seperti gerakan mesin atau jentera (tidak menggunakan fikiran).

“Mekanisme” merujuk kepada cara (sistem, saluran, dan sebagainya) untuk memungkinkan atau membuka jalan kepada pelaksanaan.

“NGO” merupakan badan bukan kerajaan yang melakukan aktiviti atau projek di mana agenda utamanya bagi membela nasib masyarakat atau sesuatu komuniti, dan segala aktiviti yang dijalankan tidak berasaskan keuntungan atau bukan untuk membuat pendapatan bagi mengaut keuntungan.

“Pembangunan Diri” merujuk kepada peningkatan kemahiran, kebolehan dan kerjaya yang dapat dicapai dengan mempraktikkan pengetahuan, pendedahan kepada pelbagai idea dan pengalaman serta melalui latihan dan program mentor.

“Pembelajaran” ialah proses perubahan hasil daripada pengalaman secara relatif ke atas perlakuan (*behaviour*). Ianya melibatkan setiap individu menerima pembelajaran mengikut keperluan masing-masing sama ada mengikut kaedah eksperimen, analisis dan keupayaan menggunakan pengalaman seumur hidup.

“Pembelajaran Berterusan” ialah proses mendapatkan ilmu pengetahuan sepanjang hayat yang melibatkan tiga elemen utama iaitu latihan, pembelajaran dan pembangunan diri.

“Penyelia/Supervisor” merujuk kepada pegawai penilai pertama yang bertanggungjawab untuk menilai Program CPD anggota.

“Pengetahuan” merujuk kepada maklumat yang dimiliki oleh pegawai mengenai kerja yang berkaitan dengan skop tugas skim perkhidmatan berkenaan.

“PTJ” merujuk kepada Pusat Tanggungjawab yang mengendalikan CPD.

“Provider” merujuk kepada organisasi yang ingin menganjurkan Program CPD.

“Pengguna” merujuk kepada semua yang berdaftar dalam sistem myCPD.

“Sub-admin” merujuk kepada pegawai pentadbir sistem yang dilantik di peringkat PTJ.

“Tugas Hakiki” ialah senarai tugas yang tersenarai dalam *Job Description* (JD) yang ditetapkan ke arah mencapai misi, visi dan objektif organisasi.

1 PENGENALAN

Program *Continuing Professional Development* (CPD) merupakan usaha bersepadu oleh KKM bagi memastikan anggota kesihatan melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, nilai serta amalan profesional berteraskan pembangunan kompetensi, pembelajaran berterusan dan laluan kerjaya.

Program ini menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang boleh meningkatkan profesionalisme anggota kesihatan di dalam bidang masing-masing. Pendekatan ini amat penting agar selari dengan perkembangan bidang perubatan yang memerlukan anggota kesihatan sentiasa berusaha menimba ilmu supaya kompeten dalam memberi rawatan perubatan yang terbaik dan terkini kepada masyarakat.

2 TUJUAN GARIS PANDUAN CPD

Garis panduan ini merupakan rujukan induk bersepadu bagi melaksanakan Program CPD kepada anggota kesihatan di KKM, Kementerian-kementerian lain, Pemberi Pendidikan Tinggi (*Higher Education Provider*) dan sektor swasta yang melibatkan perkhidmatan gunasama skim kesihatan berkaitan.

Selain itu, garis panduan CPD ini juga bertujuan untuk:

Meningkatkan lagi kesedaran mengenai pelaksanaan CPD termasuklah penambahbaikan integrasi CPD dan *Annual Practising Certificate* (CPD-APC), dan penggunaan sistem myCPD.

Membuat penambahbaikan untuk memantapkan lagi peranan jawatankuasa CPD di setiap peringkat termasuk membuat semakan keahlian jawatankuasa berkenaan.

Membuat persediaan bagi pelaksanaan audit verifikasi CPD di setiap peringkat dan proses akreditasi *provider*.

Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.4/2007 menjelaskan tentang pelaksanaan pembelajaran CPD dan penubuhan jawatankuasa CPD peringkat negeri dan setiap pusat tanggungjawab (PTJ). Terdapat juga beberapa jadual kategori mata CPD yang khusus bagi profesion tertentu yang telah disediakan oleh Badan Regulatori dan Bahagian seperti berikut:

i
MAJLIS
PERUBATAN
MALAYSIA

ii
MAJLIS
PERGIGIAN
MALAYSIA

iii
LEMBAGA FARMASI
MALAYSIA DAN PROGRAM
PERKHIDMATAN FARMASI

iv
LEMBAGA
JURURAWAT
MALAYSIA

v
LEMBAGA
PEMBANTU
PERUBATAN

vi
MAJLIS PROFESION
KESIHATAN BERSEKUTU
MALAYSIA

vii
MAJLIS OPTIK
MALAYSIA

viii
LEMBAGA JURUTERAPI
PERGIGIAN MALAYSIA

3 LATAR BELAKANG CPD DAN SISTEM myCPD

Program CPD telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) berteraskan Pembangunan Modal Insan yang bersifat holistik dengan nilai tambah (*value added*) dalam tugas yang dilaksanakan. Program ini bertujuan untuk merangsang budaya pekerja berpengetahuan, berdaya saing, dinamik dan berorientasikan kecemerlangan. Setiap anggota kesihatan bertanggungjawab untuk mempertingkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan kompetensi masing-masing secara berterusan. Mekanisme yang berstruktur diperlukan untuk memastikan semua anggota kesihatan di semua peringkat mendapat peluang untuk mengikuti Program CPD.

Program ini telah dilaksanakan susulan daripada penguatkuasaan Pekeliling KPK Bil. 4/2007 pada Julai 2007. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah bersetuju untuk menggunakan jumlah mata CPD yang terkumpul dari Program CPD sebagai Penilaian Komponen Khusus dalam Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi anggota KKM iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Pelaksanaan kaedah CPD bagi tujuan PTK bagi tiga skim teras ini telah pun dimulakan pada tahun 2008. Namun, pada tahun 2011, PTK telah dimansuhkan oleh JPA.

Sistem myCPD telah dibangunkan sejak 2015 dan telah dilancarkan pada tahun 2017 untuk merekodkan Program CPD dalam buku log myCPD secara dalam talian. Sistem ini juga telah berintegrasi dengan beberapa sistem yang lain bagi tujuan pembaharuan APC.

Berikutan kejayaan Program CPD dalam skim Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi, maka Program CPD ini telah diperluaskan kepada profesion kesihatan yang lain di KKM termasuk Profesion Kesihatan Bersekutu, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pegawai Optometri, Penolong Pegawai Farmasi dan Juruterapi Pergigian. Program ini mewajibkan penggunaan mata CPD bagi memenuhi keperluan pembaharuan APC berdasarkan Akta Perubatan 1971 untuk Pegawai Perubatan dan Akta Pergigian 2018 bagi Pengamal Pergigian dan Juruterapi Pergigian serta tertakluk kepada keperluan profesion kesihatan lain.

Sehingga tahun 2025, terdapat 39 skim perkhidmatan kesihatan yang menggunakan sistem ini.

4 OBJEKTIF CPD

Objektif umum dan khusus bagi Program CPD adalah seperti berikut:

1.1 Objektif Umum

Mewujudkan anggota kesihatan yang kompeten dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selamat kepada rakyat.

1.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesihatan;
- Meningkatkan tahap kepimpinan dan pengurusan secara berterusan;
- Memastikan anggota kesihatan berkongsi ilmu serta mengekalkan tahap kompetensi; dan
- Menggalakkan anggota kesihatan mengikuti latihan terancang dan sistematik.

5 KEGUNAAN PROGRAM CPD

Mata CPD yang dikumpul dapat digunakan untuk pelbagai tujuan antaranya:

5.1 Pembaharuan APC

Skim Perkhidmatan Kesihatan yang memerlukan pembaharuan APC tertakluk kepada akta/peraturan semasa seperti:

PEGAWAI PERUBATAN	PEGAWAI PERGIGIAN	PEGAWAI FARMASI	PENOLONG PEGAWAI FARMASI	PEGAWAI OPTOMETRI
JURURAWAT	JURUTERAPI PERGIGIAN	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU	PROFESION- PROFESION LAIN

Syarat jumlah mata adalah tertakluk kepada Badan Regulatori bagi setiap profesion selaras dengan akta/peraturan/kod etika dan tatakelakuan seperti:

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA	MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA	LEMBAGA FARMASI MALAYSIA	LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA	LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA
LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN	MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA	MAJLIS OPTIK MALAYSIA	LAIN-LAIN BADAN REGULATORI TERTAKLUK KEPADA PINDAAN AKTA/ PERATURAN SEMASA	

Senarai skim perkhidmatan mengikut Badan Regulatori adalah seperti di **Lampiran A**.

5.2 Keperluan Latihan Tahunan untuk Anggota Kesihatan


Jumlah mata CPD yang terkumpul boleh diguna pakai untuk memenuhi keperluan latihan tahunan berdasarkan pekeliling/surat arahan semasa.

5.3 Penilaian Prestasi

Pencapaian mata CPD juga boleh digunakan sebagai penilaian prestasi anggota kesihatan.

6 JAWATANKUASA CPD

6.1 Jawatankuasa CPD



Rajah 1 : Jawatankuasa CPD di Pelbagai Peringkat di KKM

6.2 Peranan Jawatankuasa


Setiap peringkat jawatankuasa perlu berperanan seperti yang dihuraikan di **Lampiran B**.

7 SISTEM myCPD (*Online Monitoring of CPD*)

Pemantauan program latihan dan pembelajaran secara berterusan yang dilaksanakan adalah penting untuk memastikan kejayaan CPD. Seiring dengan objektif ini, KKM telah membangunkan sistem pemantauan CPD secara dalam talian yang dikenali sebagai myCPD melalui pautan www.mycpd2.moh.gov.my. Sistem ini membolehkan anggota kesihatan merekod Program CPD mereka dalam format buku log secara dalam talian.


7.1 Penggunaan Sistem myCPD

Kegunaan sistem myCPD ini adalah:



7.2 Senarai Pengguna Sistem myCPD

Sistem ini boleh diakses oleh anggota kesihatan awam atau swasta yang berperanan seperti berikut:



7.3 Pengguna (User)

Garis panduan ini adalah untuk kegunaan anggota kesihatan yang menggunakan CPD di Malaysia seperti di **Lampiran A**.

Pengguna harus mengemas kini sendiri maklumat profil diri dari semasa ke semasa.

7.3.1 Program yang tidak tersenarai (*unlisted program*)

Pengguna perlu memasukkan sendiri tuntutan mata CPD dalam sistem berdasarkan kriteria tuntutan dan memastikan tuntutan mata CPD tersebut diluluskan oleh penyelia/Badan Regulatori. Penyelia/Badan Regulatori berhak menolak sebarang tuntutan yang tidak menepati kriteria CPD seperti dalam garis panduan.

7.3.2 Program yang tersenarai (*listed program*)

Pengguna boleh mendapat mata CPD secara automatik melalui program yang telah didaftar dan diluluskan oleh Badan Regulatori selepas melengkapkan borang keberkesanan program

7.3.3 Kriteria Tuntutan Mata CPD

- i. Ketika membuat tuntutan mata CPD, setiap anggota kesihatan perlu merujuk kepada garis panduan daripada Badan Regulatori atau Bahagian masing-masing.
- ii. Anggota kesihatan tidak dibenarkan membuat tuntutan mata CPD bagi tugas hakiki. Ini termasuk segala bentuk tugas harian yang telah termaktub dalam deskripsi tugas.
- iii. Pengguna perlu menyimpan bukti-bukti kehadiran Program CPD bagi tujuan audit.

7.3.4 Tempoh Tuntutan Mata CPD

Tempoh tuntutan adalah bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun. Tarikh akhir tuntutan adalah 31 Januari tahun berikutnya.

7.4 Penyelia (*Supervisor*)

Penyelia adalah pegawai penilai pertama atau pihak yang dipertanggungjawab untuk menilai Program CPD. Penyelia bertanggungjawab untuk menyemak dan meluluskan tuntutan mata CPD bagi program yang tidak tersenarai (*unlisted program*) yang telah dihadiri oleh pengguna.

7.5 Penganjur Program CPD (*CPD Provider*)

Mesyuarat Nasional CPD Bil. 1/2013 yang bersidang pada 1 Julai 2013 telah memutuskan untuk memastikan kredibiliti penganjur dipantau oleh Majlis/Badan Regulatori/Bahagian masing-masing. Sebelum mengadakan Program CPD, penganjur perlu mendapatkan perakuan atau persetujuan daripada Majlis/Badan Regulatori/Bahagian masing-masing.

Penganjur CPD bertanggungjawab untuk memastikan Program CPD memenuhi kriteria seperti di bawah:

i. Objektif, Kandungan dan Kualiti Program

Program CPD haruslah memenuhi objektif yang jelas untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme peserta. Program yang disediakan harus berkualiti tinggi, relevan, dan berdasarkan kepada keperluan semasa dalam industri atau profesion tertentu.

ii. Pemilihan Penceramah dan Pengajar

Penganjur CPD perlu menjemput penceramah dan pengajar yang berkeelayakan dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan. Penceramah perlu menyampaikan maklumat dengan jelas dan berkesan kepada peserta.

iii. Keberkesanan Program

Penganjur perlu mempunyai kaedah pengukuran keberkesanan bagi Program CPD untuk membantu menilai tahap pemahaman peserta dalam mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh.

iv. Kaedah Penyampaian Program

Program CPD boleh disampaikan dalam bentuk kuliah, bengkel, kajian, persidangan sama ada secara fizikal atau dalam talian.

v. Maklumat Penganjuran

Penganjur perlu menyediakan dokumen yang lengkap dan jelas berkaitan dengan Program CPD bagi tujuan kelayakan tuntutan mata CPD mengikut keperluan Badan Regulatori masing-masing.

vi. Ketelusan dan Etika

Penganjur perlu mengamalkan etika profesional dalam menyediakan Program CPD. Maklumat berkaitan yuran, jadual dan kandungan perlu dinyatakan secara jelas kepada peserta.

vii. Pematuhan Undang-Undang

Semua Program CPD perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

7.5.1 Senarai penganjur yang boleh didaftarkan

- i. Pemberi Pendidikan Tinggi;
- ii. Badan-badan dan persatuan-persatuan profesional;
- iii. Organisasi Kesihatan (kerajaan atau swasta);
- iv. Badan-badan NGO/kesatuan berdaftar yang terlibat dalam program kesihatan.

*Syarikat pengeluar produk/peralatan kesihatan **TIDAK** boleh menjadi penganjur tunggal untuk sebarang Program CPD namun perlu bekerjasama dengan mana-mana penganjur di atas (i hingga iv).

7.5.2 Pendaftaran penganjur

Penganjur perlu mendaftar dan membuat permohonan untuk menganjurkan program melalui sistem myCPD.

7.5.3 Permohonan Penganjur CPD

Semua penganjur perlu mendaftar sebagai *provider* melalui sistem myCPD. Maklumat lanjut berkaitan cara pendaftaran program boleh diakses di menu **online manual** di laman sesawang myCPD. Permohonan pendaftaran program perlu dibuat tidak kurang dari tempoh 30 hari sebelum tarikh program diadakan.

7.5.4 Rayuan Penganjuran Program CPD

Proses rayuan Program CPD yang telah ditolak adalah bergantung kepada Badan Regulatori atau Jawatankuasa CPD di PTJ masing-masing untuk kelulusan.

7.6 Pentadbir (*Admin*) Sistem myCPD

Sistem myCPD ini ditadbir oleh *Admin Sistem*, *Admin Utama* dan *Sub Admin* yang boleh dirujuk di paparan utama sistem myCPD. Peranan pentadbir sistem adalah seperti berikut:

- i. Menjana laporan CPD;
- ii. Memantau pengguna yang terlibat dengan CPD;
- iii. Menyelenggara profil pengguna; dan
- iv. Memberikan latihan dan mengadakan promosi kepada pengguna bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan sistem myCPD.

Pada umumnya tugas dan tanggungjawab *Admin Utama* dan *Sub Admin* adalah sama tetapi skop dan bidang kuasa adalah berbeza mengikut peringkat masing-masing iaitu:

- i. *Admin Utama* (Peringkat Negeri/Bahagian)
 - Memantau keseluruhan pegawai di setiap negeri/Bahagian
- ii. *Sub Admin* (Peringkat PTJ)
 - Memantau pegawai yang terlibat dengan CPD di peringkat PTJ masing-masing.

7.7 Badan Regulatori

Badan Regulatori memainkan peranan penting dalam pemberian mata CPD kepada anggota kesihatan.

7.7.1 Penetapan Kriteria CPD

Badan Regulatori bertanggungjawab untuk menentukan kriteria dan kategori yang harus dipenuhi oleh Program CPD.

7.7.2 Penilaian Program CPD

Badan Regulatori perlu memastikan bahawa Program CPD yang dimohon oleh penganjur CPD memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

7.7.3 Pemberian Mata CPD

Badan Regulatori akan meluluskan mata CPD kepada penganjur yang telah memenuhi kriteria permohonan yang ditetapkan, tertakluk kepada tempoh pemprosesan yang ditentukan oleh Badan Regulatori masing-masing.

7.7.4 Pemantauan


Badan Regulatori boleh memantau Program CPD yang dilaksanakan melalui borang maklum balas keberkesanan kursus di dalam sistem myCPD.

7.7.5 Penambahbaikan Garis Panduan

Badan Regulatori juga berperanan dalam menambahbaik garis panduan pelaksanaan CPD dari semasa ke semasa.

8 INTEGRASI SISTEM myCPD

Sistem myCPD berintegrasi dengan sistem-sistem sedia ada seperti berikut:



Pengisian Program CPD adalah berasaskan integriti individu. Oleh itu, audit verifikasi adalah satu kaedah bagi memastikan pelaksanaan sistem ini digunakan secara telus. Penubuhan Pasukan Audit Verifikasi CPD adalah bagi menjalankan pengauditan kepada pegawai yang terlibat secara rawak.

Audit verifikasi kepada anggota kesihatan KKM akan dilaksanakan ke atas tuntutan mata CPD (*unlisted program*) oleh Pasukan Audit Verifikasi CPD di setiap peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), Negeri dan Ibu Pejabat/Jawatankuasa Kecil (*Sub Committee*).

Audit verifikasi kepada anggota kesihatan bukan KKM dilaksanakan secara rawak dan ditentukan oleh Badan Regulatori masing-masing. Audit ini melibatkan pemeriksaan dokumen dan bukti penglibatan Program CPD.

9.1 Tujuan Audit

- i. Memastikan anggota kesihatan menuntut mata CPD mengikut kategori Program CPD yang tepat berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan;
- ii. Memastikan anggota kesihatan membuat tuntutan mata CPD bagi program bukan melibatkan tugas hakiki;
- iii. Mengenal pasti kelemahan yang ada dan merancang cadangan penambahbaikan; dan
- iv. Memantau anggota kesihatan mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan untuk pembaharuan APC sekiranya berkenaan.

9.3 Pelaksanaan Audit Verifikasi

Juraudit yang bertanggungjawab akan meneliti tuntutan yang dibuat oleh pengguna dan memeriksa bukti dokumentasi yang diberikan. Ini termasuk dokumen pengesahan Program CPD oleh penyelia, sijil penyertaan, atau rekod lain yang menunjukkan bahawa pengguna tersebut telah mengambil bahagian dalam program yang dikemukakan.

9.4 Tatacara Audit Verifikasi CPD

Proses audit verifikasi ini hendaklah dijalankan seperti berikut;
Audit dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun;

- i. Audit dijalankan terhadap sampel yang dipilih secara rawak iaitu 20% daripada jumlah anggota kesihatan terlibat bagi setiap PTJ atau sekurang-kurangnya 10 orang. Sekiranya bilangan sampel kurang daripada 10 orang, audit akan dibuat terhadap kesemua anggota;
- ii. Audit dan laporan audit boleh dibuat dengan menggunakan templat Borang dan Laporan Audit Verifikasi CPD (Lampiran 1 dan 2) mengikut kesesuaian Badan Regulatori/PTJ masing-masing; dan
- iii. Juraudit perlu membuat teguran kepada pengguna yang membuat tuntutan mata CPD tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan masing-masing.

10 PENJANAAN LAPORAN CPD

Setiap Program CPD yang dikumpulkan di dalam sistem dapat dijana sebagai laporan yang dapat membantu pihak pengurusan membuat sebarang perancangan latihan.

11 PERTANYAAN DAN MAKLUM BALAS

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengalu-alukan sebarang maklum balas untuk tujuan penambahbaikan Program CPD. Sebarang pertanyaan dan maklum balas, sila hubungi:

Unit CPD

Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan

Bahagian Perkembangan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Telefon : 03-8883 1457

E-mel : mycpd@moh.gov.my

Laman sesawang: <https://www.mycpd2.moh.gov.my>

BADAN REGULATORI BERKAITAN UNTUK DIHUBUNGI

Majlis Pergigian Malaysia/*Malaysian Dental Council (MDC)*

Kementerian Kesihatan Malaysia
E301, Tingkat 3, Blok 3440, Enterprise Building 1
Jalan Teknokrat 3, 63000 Cyberjaya, Selangor
Telefon : 03-8318 6440/4510/7366
E-mel : mdccpd@moh.gov.my
Laman Sesawang : <https://hq.moh.gov.my/ohp/mdc/>

Lembaga Farmasi Malaysia/*Pharmacy Board Malaysia (PBM)*

Program Perkhidmatan Farmasi/*Pharmaceutical Services Programme*
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz
46200 Petaling Jaya, Selangor
Telefon : 03-78413200/3320
E-mel : cppf@moh.gov.my
Laman Sesawang : <https://www.pharmacy.gov.my>

Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu/Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok A, Bangunan Utama Chancery Place
Jalan Diplomatik 2, Presint Diplomatik, 62050 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Telefon : 03-8890 1011
E-mel : bskb@moh.gov.my
Laman Sesawang : <https://hq.moh.gov.my/alliedhealth>

Bahagian Kejururawatan

Kementerian Kesihatan Malaysia
Lobi 3, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Telefon : 03-8883 3535/03-8000 8000/03-8890 4149
E-mel: bkj_cpd@moh.gov.my/nursing.info@moh.gov.my
Laman Sesawang : <https://hq.moh.gov.my/nursing>

Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan

Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Telefon : 03-8883 1376
E-mel: c4pkkm@moh.gov.my
Laman Sesawang : <https://hq.moh.gov.my/medicalprac/>

Majlis Optik Malaysia (MOC)

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 2, Blok E1, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Telefon : 03-8883 1393

E-mel : mycpd.moc@moh.gov.my

Laman Sesawang : <https://hq.moh.gov.my/moc>

Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia

E301, Tingkat 3, Blok 3440, Enterprise Building 1

Jalan Teknokrat 3, 63000 Cyberjaya, Selangor

Telefon : 03-8318 6440/7401

E-mel : ljpm.kkm@moh.gov.my

Laman Sesawang : <https://hq.moh.gov.my/ohp/mdtb/>

Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 4, Menara Prisma

Presint 3

62675 Putrajaya

Telefon : 03-88850797

E-mel : mjmm@moh.gov.my

Laman web : <https://hq.moh.gov.my/fsq>

LAMPIRAN A

BADAN REGULATORI	SKIM PERKHIDMATAN
Unit CPD, Bahagian Perkembangan Perubatan	1. Pegawai Perubatan 2. Pegawai Perubatan Pakar
Majlis Pergigian Malaysia/ Malaysian Dental Council (MDC)	1. Pegawai Pergigian Pakar 2. Pegawai Pergigian
Lembaga Farmasi Malaysia/ Pharmacy Board Malaysia (PBM) Program Perkhidmatan Farmasi/ Pharmaceutical Services Programme	1. Pegawai Farmasi 2. Penolong Pegawai Farmasi
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu/ Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu	1. Ahli Audiologi 2. Ahli Dietetik 3. Ahli Entomologi (Kesihatan Awam) 4. Ahli Fisioterapi 5. Ahli Fizik Perubatan 6. Ahli Pemakanan 7. Ahli Sains Makmal Perubatan 8. Ahli Terapi Cara Kerja 9. Ahli Terapi Pertuturan- Bahasa 10. Ahli Terapi Radiasi 11. Ahli Radiografi Diagnostik 12. Juruteknologi Makmal Perubatan 13. Juruteknologi Pergigian 14. Pegawai Kesihatan Persekitaran 15. Pegawai Pendidikan Kesihatan 16. Pegawai Penyediaan Makanan (Penjagaan Kesihatan) 17. Pegawai Sosial Perubatan 18. Pengajar 19. Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) 20. Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) 21. Pegawai Teknologi Makanan 22. Penolong Pegawai Teknologi Makanan 23. Pegawai Psikologi (Kaunseling) 24. Pegawai Psikologi (Umum) 25. Penolong Pegawai Sains
Bahagian Kejururawatan	1. Jururawat Berdaftar 2. Jururawat Masyarakat 3. Penolong Jururawat
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan	1. Penolong Pegawai Perubatan
Majlis Optik Malaysia (MOC)	1. Pegawai Optometri / Optometris 2. Juruoptik
Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia	1. Juruterapi Pergigian
Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia	1. Juruanalisis Makanan Berdaftar

LAMPIRAN B

PELBAGAI PERINGKAT JAWATANKUASA CPD

A. JAWATANKUASA CPD NASIONAL

Ahli Jawatankuasa CPD Nasional terdiri daripada Ketua-ketua Program di KKM, Pengarah/Setiausaha Bahagian berkaitan yang telah dilantik.

Pengerusi : Ketua Pengarah Kesihatan

Ahli : Semua Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (TKPK)
(Perubatan, Kesihatan Awam, Penyelidikan & Sokongan Teknikal, Pergigian, Farmasi)
Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Pendaftar Lembaga Jururawat Malaysia
Setiausaha Majlis Perubatan Malaysia
Setiausaha Majlis Pergigian Malaysia
Setiausaha Lembaga Farmasi Malaysia
Setiausaha Majlis Optik Malaysia
Setiausaha Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia
Setiausaha Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia

Urus setia : Bahagian Perkembangan Perubatan

Terma Rujukan

Terma rujukan bagi Jawatankuasa CPD Peringkat Nasional adalah seperti berikut:

- i. Mengemas kini dan menyemak polisi dan garis panduan umum berkaitan CPD;
- ii. Memantau pelaksanaan CPD dan menyediakan cadangan dan saranan untuk penambahbaikan;
- iii. Memantau kualiti Program CPD;
- iv. Membuat keputusan berkaitan cadangan penambahbaikan sistem myCPD; dan
- v. Menentukan penyelesaian bagi isu-isu dan masalah yang berbangkit di peringkat Program/Bahagian/Institusi/Negeri.

B. JAWATANKUASA CPD BAGI SETIAP PROGRAM KKM /BAHAGIAN /INSTITUSI / HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL)

Jawatankuasa CPD Peringkat Program KKM/Bahagian/Institusi/HKL akan dipengerusikan oleh Pengarah masing-masing.

- Pengerusi** : Ketua/Pengarah Bahagian/Institusi/HKL
Ahli : Pengarah/Timbangan Pengarah Bahagian
Pegawai Kanan/Pakar (tiga (3) – lima (5) orang)
dan pegawai-pegawai lain berkaitan
Urus setia : Unit Latihan/CPD

Terma Rujukan

Terma rujukan bagi peringkat Program KKM/Bahagian/Institusi/HKL adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan semua pegawai tentang CPD dan sistem myCPD;
- ii. Setiap profesion perlu mengenalpasti dan merancang Program CPD yang perlu dijalankan;
- iii. Memastikan semua pegawai mendaftar dengan sistem myCPD;
- iv. Memantau pencapaian individu menggunakan pangkalan data (*database*) dalam sistem myCPD;
- v. Mengemaskini dan menyemak polisi dan garis panduan berkaitan CPD;
- vi. Menetapkan kategori dan mata Program CPD; dan
- vii. Membincang dan mempertimbangkan rayuan berkaitan mata CPD.

C. JAWATANKUASA CPD PERINGKAT NEGERI

Jawatankuasa CPD di Peringkat Negeri adalah seperti berikut:

- Pengerusi** : Pengarah Kesihatan Negeri
Ahli : Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN)
(Perubatan, Kesihatan Awam, Pergigian, Farmasi)
Pegawai Perubatan Pakar (tiga (3) – lima (5) orang)
dan pegawai-pegawai lain berkaitan (Jururawat,
Penolong Pegawai Perubatan, Ahli Sains Kesihatan
Bersekutu)
Urus setia : Unit Latihan/CPD

Terma Rujukan

Terma rujukan bagi jawatankuasa CPD peringkat negeri adalah seperti berikut:

- i. Memperakukan Program CPD yang dirancang oleh setiap PTJ;
- ii. Membincangkan masalah/isu pelaksanaan CPD dan tindakan penambahbaikan;
- iii. Membincangkan penemuan audit verifikasi;
- iv. Memantau pencapaian Program CPD; dan
- v. Memperakukan pencapaian CPD tahunan oleh setiap PTJ.

Peranan Urus Setia/Penyelaras

Peranan yang dimainkan oleh urus setia di peringkat negeri adalah seperti berikut:

- i. Merancang dan menyelaraskan takwim Program CPD;
- ii. Memantau pelaksanaan Program CPD;
- iii. Mengurus mesyuarat peringkat negeri secara berkala;
- iv. Menyelaras pengumpulan serta pengurusan data CPD;
- v. Memantau pelaksanaan audit verifikasi CPD di PTJ; dan
- vi. Membentangkan pencapaian CPD pegawai yang dikemukakan oleh PTJ.

D. JAWATANKUASA CPD (PTJ)

Pusat Tanggungjawab (PTJ) merangkumi Pejabat-Pejabat TPKN termasuk Makmal Kesihatan Awam (MKA), Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah.

Pengerusi : Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) (Ketua Jabatan)

Ahli : Timbalan Ketua PTJ
Pegawai Pakar/Pegawai Kanan
(dua (2) – tiga (3) orang),
Penyelia Jabatan dan pegawai-pegawai lain yang
bersesuaian
(Penyelaras CPD)

Urus setia : Unit Latihan/CPD

Terma Rujukan

Terma rujukan bagi jawatankuasa peringkat PTJ adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan semua anggota tentang CPD dan sistem myCPD;
- ii. Memastikan semua pegawai mendaftar dengan myCPD;
- iii. Menyediakan takwim Program CPD untuk diperakukan oleh CPD peringkat PTJ;
- iv. Melaksana audit verifikasi CPD, membincangkan penemuan audit verifikasi dan mengambil langkah penambahbaikan;
- v. Memantau pencapaian mata CPD anggota kesihatan di peringkat PTJ
- vi. Menganalisa dan mengesahkan Laporan Pencapaian Tahunan CPD untuk tindakan Jawatankuasa peringkat Negeri;
- vii. Membincangkan masalah pelaksanaan CPD dan tindakan penambahbaikan; dan
- viii. Merancang penambahbaikan Program CPD di peringkat PTJ.

Peranan Urus Setia/Penyelaras

Peranan Urus setia/Penyelaras di peringkat PTJ adalah seperti berikut :

- i. Mengumpul dan menyimpan semua laporan CPD pegawai daripada semua skim perkhidmatan yang menggunakan sistem myCPD;
- ii. Mengumpul pencapaian mata CPD untuk dibincangkan dalam mesyuarat CPD peringkat PTJ;
- iii. Mengemukakan laporan pencapaian CPD, isu dan masalah kepada Jawatankuasa CPD Negeri;
- iv. Menyediakan analisis jumlah mata CPD anggota dan kemukakan kepada Jawatankuasa CPD di Peringkat PTJ; dan
- v. Melantik Pentadbir (*Admin/Subadmin*) CPD di Peringkat PTJ.

LAMPIRAN C

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/UNIT, PENYELIA JABATAN DAN PENGGUNA

A. KETUA JABATAN/UNIT

Tugas dan tanggungjawab Ketua Jabatan/Unit adalah seperti berikut:

- i. Memastikan semua pegawai telah mendaftar dalam sistem myCPD dan menggunakan buku log myCPD;
- ii. Merancang dan menyediakan program bagi kakitangan di peringkat jabatan/unit;
- iii. Menghebahkan Program CPD kepada anggota di bawah jagaan/seliaan;
- iv. Melantik Penyelia bagi mengesahkan penglibatan anggota dalam Program CPD; dan
- v. Memastikan peluang diberi untuk setiap anggota bagi menyertai Program CPD

B. PENYELIA JABATAN

Penyelia merupakan pegawai penilai pertama atau pihak yang dipertanggungjawab untuk menilai Program CPD. Penyelia perlu memastikan perkara-perkara berikut:

- i. Mengesahkan penglibatan pegawai dalam Program CPD; dan
- ii. Menyemak maklumat dan mata CPD terkini anggota.

C. PENGGUNA

Setiap anggota kesihatan perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

- i. Mendaftar di dalam sistem myCPD dan mengemaskini buku log myCPD
- ii. Mengemaskini profil pegawai termasuk organisasi terkini dan penyelia;
- iii. Merancang keperluan kursus yang bersesuaian dengan tugas, objektif Jabatan dan pembangunan diri;
- iv. Menghadiri dan mengikuti kursus yang diluluskan atau ditetapkan dengan penuh komitmen;
- v. Membuat tuntutan mata CPD setelah selesai menjalani kursus berkaitan;

- vi. Mengemukakan/memuat naik dokumen berkaitan Program CPD sebagai bukti kehadiran atau penyertaan sejajar dengan akta/peraturan semasa atau keperluan setiap Badan Regulatori masing-masing dan audit verifikasi; dan
- vii. Sentiasa peka terhadap kategori dan sistem pemarkahan CPD serta bertanggungjawab terhadap pencapaian mata CPD semasa bagi memenuhi keperluan APC mengikut Badan Regulatori masing-masing.

LAMPIRAN 1

BORANG AUDIT PROGRAM CPD

Juruaudit : (Ketua)
 : (Ahli)
 : (Ahli)

PTJ :
Auditee :
 Jawatan :
 Gred hakiki :
 Tarikh audit :

BIL	PERKARA DIAUDIT	HASIL PENEMUAN	CATATAN
1.	Penyelia	Betul/Tidak	Pegawai penilai pertama atau pihak yang dipertanggungjawab untuk menilai Program CPD
2.	Gred	Betul/Tidak	Gred yang dinyatakan adalah gred sebenar
3.	Jawatan	Betul/Tidak	Jawatan yang dinyatakan adalah jawatan sebenar
4.	Pusat Tanggungjawab	Betul/Tidak	Pusat Tanggungjawab yang betul
5.	Tiada kesalahan kategori Program CPD yang direkodkan oleh <i>auditee</i>	Ya/Tidak	Kategori yang dicatatkan bertepatan dengan mata CPD yang ditetapkan
6.	Tiada pertindihan tuntutan mata CPD (<i>multiple entry</i>) oleh <i>auditee</i>	Ya/Tidak	Sama ada terdapat rekod CPD yang bertindih atau berulang
7.	Tidak membuat tuntutan mata CPD bagi tugas hakiki/tugas harian oleh <i>auditee</i> (iaitu bagi tugas harian tidak layak tuntutan mata CPD)	Ya/Tidak	Merekod Program CPD bagi tugas hakiki/tugas harian pegawai. Contoh tidak layak menuntut mata CPD bagi ronda wad oleh pegawai perubatan di hospital/ klinik sendiri
8.	Dokumen sokongan dilampirkan mengikut kesesuaian kategori untuk tuntutan mata CPD (contohnya: sijil kehadiran, daftar kehadiran CME, dll).	Ya/Tidak	Dokumen sokongan yang betul dapat disertakan.

***Borang ini adalah sebagai panduan asas dan boleh dipinda mengikut kesesuaian Badan Regulatori.**

LAMPIRAN 2

LAPORAN AUDIT PROGRAM CPD

TAHUN :

Nama PTJ :

Bil. Keseluruhan Anggota Yang Terlibat Dalam Program CPD :

Bil. Anggota Yang Diaudit :

Tarikh audit :

Nama Juruaudit :

1.

2.

3.

BIL	PERKARA YANG PERLU DIAUDIT	HASIL PENEMUAN
1.	Penyelia	Contoh : 85% orang yang diaudit (<i>auditee</i>) merekodkan nama penyelia dengan betul
2.	Gred	
3.	Jawatan	
4.	Pusat tanggungjawab	
5.	Tiada kesalahan kategori Program CPD yang direkodkan oleh <i>auditee</i>	
6.	Tiada pertindihan tuntutan mata CPD (<i>multiple entry</i>) oleh <i>auditee</i> .	
7.	Tidak membuat tuntutan mata CPD bagi tugas hakiki/tugas harian oleh <i>auditee</i> (iaitu bagi tugas harian tidak layak menuntut mata CPD)	
8.	Dokumen sokongan mengikut kesesuaian kategori untuk tuntutan mata CPD (contohnya: sijil kehadiran, daftar kehadiran, dll).	

[illegible][illegible]

()

()

Tarikh :

Penghargaan

Terima kasih diatas komitmen dan kerjasama kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

PENAUNG

Dato' Indera Dr. Nor Azimi binti Yunus

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENASIHAT

Dato' Dr. Mohd Azman bin Yacob

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Hirman Ismail

Timbalan Pengarah
Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

PASUKAN PENYUNTING

Warga kerja Unit Pendidikan Profesional Berterusan, Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Ilya Hani binti Abdul Rahman

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Ketua Unit Pendidikan Profesional Berterusan

Dr. Hazirah binti Azhar

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Azlina binti Mahad

Pegawai Teknologi Maklumat

Pn. Zabaidah binti Jaafar

Penyelia Jururawat

Pn. Rohaizah binti Baharin

Penyelia Jururawat

Cik Noraini binti Ramli

Ketua Jururawat

Pn. Normawati binti Ab Wahab

Ketua Jururawat

Pn. Farah Hazwani binti Abd Rahim

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Pn. Noria binti Mohamad

Pembantu Tadbir

Pn. Siti Fairuz binti Rosli

Pembantu Tadbir

Pn. Nurul Aida binti Mhd. Daud

Pembantu Tadbir (mySTEP)

PASUKAN BADAN REGULATORI

PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

Pn. Azura binti Omar

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Yeap Hui Bing

Ketua Penolong Pengarah Kanan

En. Norazmin Sham bin Abdul Mutalif

Penolong Pegawai Farmasi

LEMBAGA FARMASI MALAYSIA

Pn. Nurulbalkis @ Zubaidah Anum binti Hamdan

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn Nurul Afifah binti Osman

Ketua Penolong Pengarah Kanan

BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

Pn. Siti Sarah binti Mohamed

Ketua Penolong Pengarah

Pn. Alia binti Zarmani

Penolong Pengarah Kanan

Pn. Shah Rizan binti Muhamad Sadri

Penolong Pengarah Kanan

BAHAGIAN KEJURURAWATAN

Pn. Damica binti Kunsiong

Ketua Penolong Pengarah kanan

Pn. Norlela binti Jalil

Penolong Pengarah Kanan

Pn. Rohaya binti Ramsi

Ketua Penolong Pengarah

Pn. Azizan binti Abd Hamid

Penolong Pengarah Kanan

Pn. Nik Hazlini binti Nik Zainal Abidin

Penolong Pengarah

Pn. Razilawati binti Ahamad

Penyelia Jururawat

Pn. Noor Azlina binti Masdin

Penyelia Jururawat

CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

En. Hasri bin Ahmad

Penolong Pegawai Perubatan

En. Zulkeply bin Ghazali

Penolong Pegawai Perubatan

MAJLIS OPTIK MALAYSIA

Pn. Nor Azizah binti Ismail
Setiausaha

Pn. Najihah binti Muhammad Sharif
Penolong Setiausaha Kanan

Pn. Nurul Amirah binti Mahmud Zuhudi
Penolong Setiausaha Kanan

MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

Dr. Suziyana binti Sudin
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Dr. Ng Pui Zjin
Ketua Penolong Pengarah

Dr. Noorhidayah binti Mohd Arof
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Dr. Mariah binti Mohd Hamzah
Pegawai Pergigian

PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

Dr. Yusmazatulina binti Yusoff
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Normala binti Omar
Ketua Juruterapi Pergigian

LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN

Pn. Nor Azrah binti Hamzah
Penyelia Juruterapi Pergigian

Pn. Julaiha binti Mohd Sarif
Penyelia Juruterapi Pergigian Kanan

PENYUMBANG BERSAMA

Dr. Wafaak binti Esa

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Cawangan Pembangunan Profesion Kesihatan Awam

Dr. Masfufah binti Mohd Nor

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Perancangan dan Dasar Profesion

Dr Siti Sarah binti Mohd Shukor

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan
Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan (PFK)

Dr Aidatul Azura binti Abdul Rani

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan (MaHTAS)

Dr Mohd Khairul Anwar bin Adan

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Medikolegal Bahagian Amalan Perubatan

Pn. Noorafizah binti Mohd Noor

Ketua Jururawat
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan

Catatan



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bahagian Perkembangan Perubatan,
Blok E1, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya



03-8883 1457



mycpd@moh.gov.my

ISBN 978-629-96394-0-4



9 786299 639404